

EE

B530:

PARLIMEN-PELAJARAN

1976

KUALA LUMPUR, 2 OGOS (BERNAMA) -- PELAJAR-PELAJAR YANG INGIN MELANJUTKAN PELAJARAN SECARA PERSENDIRIAN KE UNITED KINGDOM DAN INDONESIA AKAN DIKENAKAN BAYARAN CAGARAN \$1,500 SEBELUM PERMOHONAN TAJAAN MEREKA DILULUSKAN.

TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, KEMENTERIAN PELAJARAN SEDANG MERANGKA SYARAT BARU ITU DAN AKAN MENGUMUMKAN TARIKH PENGUATKUASAANYA, KEMUDIAN KELAK.

WANG TERSEBUT AKAN DIGUNAKAN UNTUK TAMBANG KAPALTERBANG BALIK KE MALAYSIA DI PENGHUJUNG ATAU DALAM TEMPOH PENGANJIAN, JIKA MEREKA DIKEHENDAKI BERBUAT DEMIKIAN, KATANYA.

MENJAWAB PERTANYAAN ENCIK LIM KIT SIANG (DAP-KOTA MELAKA) BELIAU BERKATA, ADALAH TIDAK BENAR KEMENTERIANNYA BERCADANG MENGENAKAN CAGARAN \$10,000 SEBAGAI JAMINAN KELAKUAN BAIK BAGI MEREKA YANG INGIN MELANJUTKAN PELAJARAN DI SEBERANG LAUT.

PELAJAR-PELAJAR ITU HANYA DIKEHENDAKI MENGISI BORANG TAJAAN DENGAN JAMINAN KEWANGAN SEBANYAK \$10,000

UNTUK PERBELANJAAN PENGAJIAN DAN SARAHIDUP DI UNITED KINGDOM.

--BERSAMBUNG 1607/A1

PARA DUA BACA' ... KEMENTERIAN PELAJARAN SEDANG (ULANG)
KEMENTERIAN

EE

B581:

PARLIMEN-PELAJARAN 2 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR MENJELASKAN LANGKAH TERSEBUT IALAH UNTUK KESENANGAN PELAJAR-PELAJAR ITU SENDIRI KERANA BILA TIMBUL SESUATU PERKARA, MEREKA BOLEH PULANG KERANA WANG PERBELANJAAN TAMBANG TELAH DISEDIAKAN.

BAGI MEREKA YANG TAMAT KURSUS, CAGARAN \$1,500 AKAN DIPULANGKAN DENGAN SEPENUHNYA.

MENURUT BELIAU, PIHAK SURUHANJAYA TINGGI MALAYSIA DI LONDON TERPAKSA MEMBAYAR TAMBANG ANTARA 10 HINGGA 15 PELAJAR MALAYSIA TIAP-TIAP TAHUN YANG DIPERENTAH PULANG KERANA IBUBAPA ATAU PENJAGA ENGGAN MEMBAYARNYA. -- BERNAMA 1609/A1